## 10. Pengetus (Colander)

- Mangkuk besar yang berlubang yang digunakan untuk menapis atau mengetus sayur-sayuran, pasta, salad dan bahan makanan lain

## 11. Pengayak

- Digunakan untuk mengayak tepung dan bahan kering yang lain

# ***Periuk, kualiti dan dulang pembakar***

## 1. Periuk stok (Stock pot)

Periuk stok adalah besar, dalam dan berat. Digunakan untuk menyediakan stok dan menggelegakkan kuantiti cecair yang banyak. Periuk stok dengan spigots membenarkan cecair untuk disalurkan tanpa mengganggu kandungan pepejal atau mengangkat pot. Saiz: 9-228 liter

## 2. Periuk sos (Sauce pot)

Periuk bulat seperuh kedalaman. Sama seperti periuk stok tetapi lebih cetek. Hal ini bagi memudahkan untuk mengacau atau mencampurkan bahan-bahan. Digunakan untuk sup, sos dan cecair yang lain. Saiz: 6-68 liter

## 3. Brazier

Bulat, luas, cetek dan periuk heavy-duty. Digunakan untuk pemerangan dan merebus daging. Saiz: 12-34 liter

## 4. Sauce pan

Periuk kecil, cetek, berkilat tetapi hanya ada satu pemegang panjang. Mempunyai sisi-sisi lurus atau condong. Boleh digunakan untuk pelbagai jenis masakan khususnya sos. Saiz: 1(satuperdua)-17 liter

#### 5. Saute pan, straight-sided

Sama seperti sauce pan tetapi bentuknya lurus dan lebih berat. Digunakan untuk pemerangan, braising dan menggoreng. Oleh sebab kawasan permukaan yang luas, saute pan digunakan untuk memasak sos dan cecair lain apabila proses pengurangan (reduction) yang cepat diperlukan. Saiz: 2(satuperdua) – 5 inci (tinngi). 6 – 16 inci (diameter)

#### 6. Saute pan, slope-sided

Digunakan untuk memasak dan menggoreng daging, ikan, sayur-sayuran dan telur. Sisi condong membolehkan tukang masak membalik dan melambung bahan yang dimasak tanpa menggunakan spatula. Saiz: 6 – 14 inci (diameter atas)

#### 7. Double-boiler

Bahagian bawah periuk sama seperti periuk stok, yang berperanan sebagai tempat mendidihkan air. Bahagian atas untuk diletakkan makanan agar makanan tersebut dimasak dengan suhu yang rendah dan tidak terdedah secara terus dengan haba. Konsep penggunaan adalah seperti periuk pengukus. Saiz: 4(satuperdua) – 41 liter (bahagian atas)

#### 8. Dulang pembakar


Dulang segi empat tepat dengan kedalaman 1 inci digunakan untuk membakar kek, ban dan biskut dan untuk membakar atau memanaskan daging dan ikan. Saiz: dulang penuh 18 X 26 inci; separuh dulang 18 X 13 inci

## 9. Kualu

Alat yang rata atau jeluk dasarnya yang diperbuat daripada besi. Digunakan sebagai bekas untuk menggoreng

## 10. Roasting pan

Dulang segi empat tepat yang lebih besar dan lebih berat daripada dulang pembakar. Digunakan untuk memanggang daging dan ayam



## ***Alat penimbang dan penyukat***

### **i. Alat penimbang (scale)**

Digunakan untuk mengukur berat bahan. Terdapat juga alat penimbang digital

### **ii. Jag penyukat**

Digunakan untuk menyukat cecair. Jag mempunyai bibir atau muncung agar memudahkan proses menuang cecair yang disukat

iii. Sudu penyukat  
Digunakan  
untuk  
menyukat  
cecair atau  
bahan pepejal  
dalam jumlah  
yang sedikit  
seperti gula.  
Setiap sudu  
mempunyai  
ukuran yang  
berbeza

iv. Termometer  
Digunakan  
untuk menyukat  
suhu makanan  
seperti suhu  
dalam daging.  
Termometer ini  
dimasukkan  
sebelum mula  
memasak dan  
ditinggalkan pada  
daging semasa  
memasak

## ***Alat penjimat masa***



***- Mixer bench muonted***



***- Mixer floor mounted***

# PERKAKAS MENGADUN

## *Wire whisk atau ballon whisk*

- *Digunakan untuk mengadun adonan cair dan lembut sambil memasukkan udara seperti adonan kek span, meringue, bater dan krim putar*




## *Dough arm atau dough hook*

- *Digunakan untuk mengadun dan menguli adonan yang keras atau kental seperti doh beryis dan doh roti canai*



## *Paddle atau beater*

- *Digunakan untuk mengadun adonan yang mempunyai kadar kelikatan yang sederhana seperti adonan kek cara putar, adonan pastri choux dan adonan pastri rapuh*



# ***PERALATAN MEMASAK***

***DAPUR GAS***



***DAPUR ELEKTRIK***



***KETUHAR  
GELOMBANG MIKRO***



# **PENGGORENG JELUK (DEEP-FAT FRYER)**



## ***Penggorengan jeluk biasa***

***Penggorengan jeluk biasa (standard deep fryer) menggunakan bahan api seperti gas atau elektrik***

## ***Penggorengan jeluk automatik***

***Penggorengan jeluk automatik (automatic deep fryer) mempunyai alat automatik penentu jarak masa yang mengangkat bakul penggoreng sebaik sahaja makanan masak. Alat penggoreng ini berguna kepada dapur yang sentiasa sibuk***

## ***Penggorengan jeluk bertekanan***

***Penggorengan jeluk bertekanan (pressure deep fryer) mempunyai satu penutup logam yang tebal bagi menutup penggoreng sewaktu makanan digoreng. Makanan digoreng lebih cepat***

# Peralatan menghidang makanan



**Bain- marie**

- *Satu bekas atau ruang yang diperbuat daripada besi keluli tahan karat yang menakung air panas. Air dipanaskan menggunakan gas atau elektrik. Alat ini mempunyai pelbagai saiz dan bentuk. Alat ini digunakan untuk mengekalkan suhu makanan agar sentiasa panas apabila dihidang*



**Chafing dish**

- *Digunakan untuk menghidang makanan dalam kuantiti yang banyak terutama semasa jamuan atau majlis keraian. Terdapat dalam beberapa saiz dan bentuk. Mempunyai dua lapisan gastronome untuk menampung air di bahagian bawah dan meletakkan makanan di bahagian atas. Alat ini dilekatkan dengan pemegang yang kukuh. Penutup alat dipasang terus pada gastronome atau yang boleh dialihkan. Rangka kakinya boleh dilipat. Sejenis lilin khas yang dibakar digunakan untuk memanaskan air di dalam gastronome dan menjadikan makanan sentiasa panas*



- *Digunakan untuk menyimpan makanan yang sudah dimasak agar sentiasa panas atau sejuk sebelum dihidangkan. Alat ini disejukkan atau dipanaskan oleh gas atau elektrik. Hot cabinet digunakan untuk menyimpan makanan yang panas seperti karipap. Cold cabinet digunakan untuk menyimpan makanan sejuk seperti puding*

**Hot and cold display cabinet**

# **crockeries**



***Pinggan makan (saiz 10 inci)***



***Piring ikan (saiz 9 inci)***



***Piring desert (saiz 7 inci)***



***Piring layan (saiz 6 inci)***



***Pinggan pembuka selera (saiz 8 inci)***



***Pinggan sup (saiz 8 inci)***



***Pinggan bujur***



***Mangkuk hidang***



***Mangkuk sup***



***Casserole***



***Piring dan cawan minuman***



***Bekas garam dan lada sulah***



***Mangkuk gula***



***Jag susu***



***teko teh dan kopi***

# Kutleri

*Garpu buah-buahan*

- *Mengambil dan menikmati hidangan buah-buahan*



*Garpu kek*

- *Menikmati hidangan kek*



*Garpu desert*

- *Menikmati desert berasaskan buah-buahan*



*Garpu makan*

- *Menghidang, mengambil dan juga untuk menikmati makanan*



*Pisau mentega*

- *Menyapu mentega ke atas roti yang dihidangkan bersama dengan hidangan. Biasanya pisau mentega digunakan bersama dalam perunggu meja table d'hote*



*Pisau makan*

- *Memotong bahan makanan yang telah dimasak dalam hidangan*



*Pisau makan hidangan ikan*

- *Memotong bahan makanan untuk hidangan berasaskan ikan khususnya*



*Sudu makan*

- *Mengambil makanan dan makan*



*Sudu sup*

- *Mengambil dan menikmati makanan berdasarkan cecair seperti sup, bubur dan lain-lain*



*Sudu parfait*

- *Menikmati desert yang dihidangkan dalam gelas tinggi*



*Sudu desert*

- *Menikmati hidangan desert seperti puding, agar-agar dan juga desert berdasarkan cecair seperti bubur jagung dan sagu gula melaka*




*Sudu teh*

- *Mengacau gula atau susu dan bahan yang dihidangkan bersama minuman yang dihidangkan*



*Sudu kopi*

- *Membancuh dan menyukat serbuk kopi*





**Highball glass**

- *Gelas tinggi dengan kapasitas 240 – 350 ml*
- *Digunakan untuk menghidangkan minuman biasa dan minuman campuran*



**Collins glass**

- *Gelas tinggi berkapasiti 300 – 410 ml*
- *Digunakan untuk menghidang minuman campuran atau koktel Tom Collins*
- *Berbentuk silinder dan lebih tinggi serta tirus daripada bentuk highball glass*



**Table glass**

- *Diperbuat daripada kaca tebal untuk mengisi pelbagai jenis minuman*
- *Gelas ini tidak mudah pecah dan menjadi pilihan dalam kebanyakan pengurusan sajian. Reka bentuk table glass memberi lebih cengkaman semasa digunakan dan dapat mengelakkan daripada jatuh dan pecah*

**Margarita glass**

- *Digunakan untuk menghidang minuman beralkohol*





### **Cocktail glass**

- *Gelas kaca berkaki biasa digunakan untuk menghidang minuman koktel*
- *Minuman koktel mempunyai aroma tersendiri dan dihidangkan dalam keadaan sejuk*



### **Goblet**

- *Bersaiz 295 ml*
- *Mempunyai kaki yang tinggi*
- *Digunakan untuk menyajikan pelbagai jenis minuman*



### **French goblet**

- *Bersaiz agak besar untuk menampung kandungan cecair dengan kuantiti yang lebih banyak*
- *Mempunyai kaki yang tinggi dan stabi apabila dipegang untuk memudahkan tetamu menikmati minuman yang dihidangkan.*



### **Sundae glass**

- *Bersaiz 250 ml dengan tinggi 17.5 cm*
- *Disediakan untuk menyajikan aiskrim*



### **Punch bowl**

- *Diperbuat daripada kaca tebal dan berkilau*
- *Terdapat pelbagai jenis dan biasa disertakan dengan set gelas minuman untuk dihidangkan kepada tetamu*
- *Minuman yang sangat popular ialah punch buah-buahan*
- *Reka bentuknya yang dapat menampung kandungan cecair 5 liter bergantung kepada saiz yang digunakan*



***Langkah kerja menyediakan dan melaksanakan susun atur perunggu meja***

- 1. Membuat mise an place (menyusun atur perunggu meja mengikut jenis sajian)***
- 2. Menyediakan dan menyusun atur meja dan kerusi bagi perunggu meja***
- 3. Memilih dan membuat lipatan napkin***
- 4. Membentang alas meja***
- 5. Menggilap kutleri dan gelas menggunakan air dan wap panas***
- 6. Menyusun atur kutleri dan crockeries***

# **MENILAI PERALATAN RUANG DAPUR**

**Bahan buatan**

**Peralatan yang diperbuat daripada bahan yang berkualiti mempunyai jangka hayat yang panjang**

**Ketahanan**

**Kekerapan penggunaan sesuatu jenis peralatan dapur akan mengakibatkan peralatan tersebut cepat rosak. Pemilihan peralatan yang baik adalah dari segi ketahanan, sumber tenaga yang diperlukan serta penggunaan berulang dalam jangka masa yang lama**

**Reka bentuk**

**Reka bentuk perlu sesuai dengan kegunaan peralatan**

**harga**

**Harga sesuatu peralatan dapur perlu berpatutan dengan spesifikasi peralatan tersebut**

**Penyenggaraan dan penyimpanan**


**Peralatan dapur hendaklah mudah diselenggara, disimpan dan mudah memperoleh alat ganti**





***BAB 4: PENGURUSAN  
DAN PENYEDIAAN  
MAKANAN***

1. **Makanan selamat dimakan**  
*Haba panas semasa memasak boleh:*
  - *Membunuh mikroorganisma dalam makanan*
  - *Mengelakkan makanan menjadi rosak*
2. **Memudahkan pencernaan**
  - *Melembutkan makanan setelah dimasak supaya lebih mudah dikunyah dan dicerna*
3. **Membaiki rupa dan tekstur makanan**
  - *Lebih menyelerakan dari segi rupa dan tekstur*
4. **Mempelbagaikan masakan**
  - *Boleh dimasak dengan pelbagai cara atau kaedah untuk menghasilkan masakan yang menarik dan menyelerakan*
5. **Menambahkan rasa makanan**
  - *Makanan yang dimasak akan bertindak balas dengan haba dan menghasilkan bau dan rasa yang menyelerakan*



*Pengaliran (conduction)*

- *Haba sampai kepada makanan melalui media pengalir haba seperti bahan yang diperbuat daripada logam*

*Perolakan (convection)*

- *Pergerakan ensembel molekul-molekul yang terdapat dalam bendalir*

*Pancaran radiasi (radiation)*

- *Haba dialirkan melalui gelombang mikro atau cahaya*

2016  
JUSTIN BIEBER  
PURPOSE WORLD TOUR



# *Kaedah memasak*

## 1. Haba lembap

### a) Kaedah mecelur

- Memasak makanan dalam air mendidih dalam jangka masa yang singkat
- Contoh masakan yang sesuai ialah sayur-sayuran, bebola dan mi kuning

### b) kaedah mencarak

- Memasak makanan secara perlahan dalam cecair berperisa di atas api kecil
- Contoh masakan yang sesuai ialah telur

### c) Kaedah merebus

- Memasak masakan dalam air mendidih (100 darjah celsius)
- Contoh masakan yang sesuai ialah sayur-sayuran berubi dan ikan

### d) Kaedah mereneh

- Memasak makanan menggunakan cecair khususnya air di bawah takat didih
- Contoh masakan yang sesuai ialah sup

### e) Kaedah merendidih

- Memasakan makanan dalam cecair seperti santan dan susu pada suhu yang rendah
- Contoh masakan yang sesuai ialah stew daging dan rendang

### f) kaedah mengukus

- Memasak makanan menggunakan wap daripada air yang mendidih
- Contoh masakan yang sesuai ialah ikan

### g) Kaedah double-boiling

- Memasak masakan menggunakan haba daripada air yang telah dididihkan
- Contoh masakan yang sesuai ialah coklat masakan

### h) Kaedah braising and pot roasting

- Memasak makanan menggunakan air yang sedikit. Proses memasak seterusnya berlaku di dalam ketuhar
- Contoh masakan yang sesuai ialah daging, ayam, lobak dan ubi kentang

## 2. Haba kering

### I. Kaedah membakar

- Memasak makanan yang menggunakan haba perolakan atau gelombang mikro
- Contoh masakan yang sesuai ialah kek, pastri, roti dan kentang

### II. Kaedah menggril

- Memasak makanan di atas redai menggunakan haba langsung secara terbuka. Makanan dimasak menggunakan arang atau rod panas
- Contoh masakan yang sesuai ialah daging, sosej dan udang

### III. Kaedah memanggang

- Memasak makanan menggunakan haba perolakan secara tertutup atau haba langsung secara terbuka
- Contoh masakan yang sesuai ialah lembu, kambing dan poultry

### IV. Kaedah gratinating

- Memasak makanan dengan menggunakan api daripada arang atau rod panas tetapi dari arah atas. Boleh dimasak di dalam ketuhar atau menggunakan salamander oven
- Contoh masakan yang sesuai ialah piza dan crumble apple pie

v. Kaedah menggoreng

Terdapat empat cara menggoreng iaitu:

a. Menggoreng dalam minyak penuh atau jeluk (deep-frying)

- Menggunakan minyak yang banyak untuk menggoreng sehingga makanan tenggelam dalam minyak
- Contoh masakan yang sesuai ialah ayam dan ikan

b. Menggoreng tohor

- Memasak makanan menggunakan minyak sedikit. Menggoreng makanan dalam tempoh yang singkat dan perlu dibalik-balikan
- Contoh masakan yang sesuai ialah telur






c. Kaedah shallow-frying

- Memasak makanan menggunakan minyak yang sederhana banyak.
- Contoh masakan yang sesuai ialah ikan, kepek ayam, sosej dan nuget

d. Kaedah pressure-frying

- Memasak makanan menggunakan kaedah yang sama seperti menggoreng dengan minyak banyak. Kaedah ini menggunakan alatan khas yang tertutup untuk memerangkap wap panas bagi meningkatkan tekanan dan haba terhadap makanan untuk memasak
- Contoh masakan yang sesuai ialah ayam dan kentang

## Ciri kaedah memasak menggunakan pancaran gelombang mikro

- 1  Menggunakan kuasa elektrik yang tinggi
- 2  Gelombang mikro boleh menembusi makanan dengan cepat, jadi tempoh memasak menjadi singkat
- 3  Menggunakan alat dan peralatan khusus iaitu ketuhar gelombang mikro
- 4  Gelombang mikro tidak boleh menembusi logam atau besi atau kepingan kerajang aluminium. Oleh itu, logam, besi dan kepingan kerajang aluminium tidak boleh digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro kerana ia boleh menyebabkan kerosakan kepada magnetron (generator ketuhar)
- 5  Kaedah memasak menggunakan haba lembap atau kering boleh digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro

## Kelebihan pancaran gelombang mikro

1

Masa memasak dapat disingkatkan

2

Ketuhar gelombang mikro mudah diselenggara dan dibersihkan

3

Tidak melibatkan banyak kehilangan nutrisi

4

Tidak memerlukan perhatian yang teliti

5

Makanan dimasak dengan sekata



### Kelemahan pancaran gelombang mikro

1. Makan yang telah siap dimasak perlu dibiarkan beberapa ketika untuk menyelesaikan proses memasak
2. Hanya boleh menggunakan bekas yang diperbuat daripada seramik atau kaca
3. Menggunakan tenaga elektrik yang banyak
4. Makanan yang besar perlu dipotong kecil

# Perbandingan kesan haba terhadap makanan

Jenis makanan	Kaedah memasak	Kesan haba terhadap makanan		
		Rupa	Tekstur	Rasa
Daging	<b>Haba lembap</b> Merendih, braising and pot roasting	<ul style="list-style-type: none"> <li>Makanan berwarna perang</li> <li>Bentuknya kekal</li> </ul>	Lembut	Mengekalkan rasa manis daging
	<b>Haba kering</b> Memanggang, menggoreng tohor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Makanan menjadi kering sekiranya potongan nipis</li> <li>Bentuknya kekal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keras bagi potongan nipis</li> <li>Lembut bagi potongan tebal</li> </ul>	Berjus bagi potongan tebal
	<b>Pancaran gelombang mikro mambakar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bentuknya kekal</li> <li>Berkilat dan warnanya menarik</li> </ul>	Lembut	Sesuai dihidangkan 20 minit selepas dikeluarkan dari ketuhar
Kerang-kerangan	<b>Haba lembap</b> Merebus, mengukus	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bentuknya kekal sekiranya tidak dibuang cangkerang</li> <li>Warna menarik</li> </ul>	Lembut	Mengekalkan rasa kerang-kerangan
	<b>Haba kering</b> Menggoreng	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kering dan mengecut kerana sejatan air</li> </ul>	Rangup	Rasa lebih menarik sekiranya ditambah perasa (masin)
	<b>Pancaran gelombang mikro memanggang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bentuknya kekal sekiranya tidak dibuang cangkerang</li> <li>Warna menarik</li> </ul>	Lembut	Mengekalkan rasa kerang-kerangan

*Atlet*

*Pesakit diabetes*

*Kaedah memasak untuk kumpulan tertentu*

### ***Vegetarian***

***Vegetarian tulen*** – hanya memakan sayur-sayuran, kacang dan bijirin

***Vegetarian lakto*** – memakan sayur-sayuran, kacang, bijirin, susu dan hasilnya serta makanan yang menggunakan textured vegetable protein (TVP)

***Vegetarian lakto ovo*** – memakan sayur-sayuran, kacang, bijirin, hasil susu dan telur

***Separa vegetarian*** – memakan sayur-sayuran, kacang, bijirin, susu, telur, ikan dan ayam. Golongan ini tidak memakan daging merah

## ***Kebaikkan sayur-sayuran***

- 1. Membantu proses menurunkan berat badan***
- 2. Mencantikkan kulit***
- 3. Membina dan memperbaiki tulang***
- 4. Menguatkan sistem imunisasi***
- 5. Menangani masalah kesihatan***
- 6. Mengurangkan risiko penyakit berbahaya***
- 7. Kaya dengan sumber vitamin dan mineral***
- 8. Baik untuk tumbesaran anak-anak***
- 9. Membantu untuk lebih tenang***
- 10. Penawar semula jadi***



# Klasifikasi dan cara pemilihan sayur-sayuran

## Sayuran berdaun

<b>Contoh sayuran</b>	<b>Cara memilih</b>	<b>Prosedur penyimpanan</b>	<b>Kaedah memasak</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Sawi</i></li><li>• <i>Kangkung</i></li><li>• <i>Kailan</i></li><li>• <i>Daun salad</i></li><li>• <i>bayam</i></li><li>• <i>Ulam raja</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Berwarna hijau segar dan cerah</i></li><li>• <i>Daun dan batang rangup</i></li><li>• <i>Tidak layu atau berlendir</i></li><li>• <i>Bersih dan tidak berpasir</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Disimpan di tempat sayur-sayuran di ruang pendingin</i></li><li>• <i>Dibungkus dengan plastik berlubang</i></li><li>• <i>Bahagian yang rosak perlu dibuang terlebih dahulu</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Mencelur</i></li><li>• <i>Shallow-frying</i></li></ul>

# Sayuran berbatang dan pucuk

## Contoh sayuran

## Cara memilih

## Prosedur penyimpanan

## Kaedah memasak

- |   |  |   |  |
|---|--|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Asparagus</i></li><li>• <i>Saderi</i></li><li>• <i>Rebung</i></li><li>• <i>Tuhau</i></li><li>• <i>Batang keladi</i></li><li>• <i>Pucuk paku</i></li><li>• <i>Tauge</i></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Rangup, segar dan muda</i></li><li>• <i>Berbentuk elok</i></li><li>• <i>Tidak berlendir atau layu</i></li><li>• <i>Tidak bertukar warna</i></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Disimpan di tempat sayur-sayuran di ruang pendingin</i></li><li>• <i>Dibungkus dengan plastik berlubang</i></li><li>• <i>Bahagian yang rosak perlu dibuang terlebih dahulu</i></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Menggoreng tohor</i></li><li>• <i>Merebus</i></li><li>• <i>Mencelur</i></li><li>• <i>Shallow-frying</i></li></ul> |
|---|--|---|--|

# Sayuran berbawang

## Contoh sayuran

## Cara memilih

## Prosedur penyimpanan

## Kaedah memasak

- |   |   |  |   |
|---|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Bawang putih</i></li><li>• <i>Bawang merah (shallot)</i></li><li>• <i>Bawang besar (onion)</i></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Kulit bersinar</i></li><li>• <i>Tidak bertunas</i></li><li>• <i>Tidak kecut atau lebam</i></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Disimpan di rak yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan gelap</i></li><li>• <i>Asingkan daripada makanan yang berbau kuat</i></li><li>• <i>Bahagian yang rosak perlu dibuang terlebih dahulu</i></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Menggoreng tohor</i></li><li>• <i>Shallow-frying</i></li></ul> |
|---|---|--|---|

## Sayuran berakar atau berubi

### Contoh sayuran

### Cara memilih

### Prosedur penyimpanan

### Kaedah memasak

- |  |   |   |  |
|--|---|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Lobak merah</li><li>• Kentang</li><li>• Keledek</li><li>• Ubi bit</li><li>• Ubi kayu</li><li>• sengkuang</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak diselaputi tanah</li><li>• Tidak bertunas</li><li>• Keras dan pejal</li><li>• Tidak kecut</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Disimpan di rak yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan gelap</li><li>• Asingkan daripada makanan yang berbau kuat</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Merebus</li><li>• Mereneh</li><li>• merendidih</li></ul> |
|--|---|---|--|

## Sayuran berbuah

### Contoh sayuran

### Cara memilih

### Prosedur penyimpanan

### Kaedah memasak

- |   |   |  |  |
|---|---|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Terung</li><li>• Tomato</li><li>• Cili</li><li>• Timun</li><li>• Peria</li><li>• Kundur</li><li>• Petola</li><li>• Labu</li><li>• bandi</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Segar dan rangup</li><li>• Muda dan tidak kecut</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Disimpan di tempat sayur-sayuran di ruang pendingin</li><li>• Dibungkus dengan plastik berlubang</li><li>• Bahagian yang rosak perlu dibuang terlebih dahulu</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Merebus</li><li>• Shallow-frying</li></ul> |
|---|---|--|--|

# Sayuran berbiji

## Contoh sayuran

## Cara memilih

## Prosedur penyimpanan

## Kaedah memasak

- kacang pis
- Petai
- Jering
- Kerdas

- segar dan rangup
- Muda dan tiak kecut

- Disimpan di tempat sayur-sayuran di ruang pendingin
- dibungkus dengan plastik berlubang
- Bahagian yang rosak perlu dibuang terlebih dahulu

- Merebus
- Shallow-frying

# Sayuran berbunga

## Contoh sayuran

## Cara memilih

## Prosedur penyimpanan

## Kaedah memasak

- Bunga kubis
- Brokoli
- Jantung pisang
- Bunga kantan
- Bunga kucai

- Berwarna segar
- Tidak lembik dan berbau segar

- Disimpan di tempat sayur-sayuran di ruang pendingin
- Dibungkus dengan plastik yang berlubang
- Bahagian yang rosak perlu dibuang terlebih dahulu

- Mencilur
- Merebus
- Shallow-frying

# Sayur kekacang

## Contoh sayuran

## Cara memilih

## Prosedur penyimpanan

## Kaedah memasak

- *Kacang botor*
- *Kacang sepat*
- *Kacang panjang*
- *Kacang buncis*

- *Segar dan rangup*
- *Tidak patah*
- *Masih muda dan sederhana*

- *Disimpan di tempat sayur-sayuran di ruang pendingin*
- *Dibungkus dengan plastik yang berlubang*
- *Bahagian yang rosak perlu dibuang terlebih dahulu*

- *Mencelur*
- *Menggoreng tohor*
- *Shallow-frying*

## *Bahan-bahan utama bagi menyediakan menu sihat berasaskan sayuran*

<i>Bahan</i>	<i>Keterangan</i>
<i>sayur</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Semua jenis sayur adalah sesuai</i></li><li>• <i>Semua jenis bebawang, batang, bunga, kekacang, buah-buahan dll yang boleh digunakan mentah atau dimasak</i></li></ul>
<i>Daging</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Ayam, itik, daging salai, panggang dan daging jeruk</i></li></ul>
<i>Makanan laut</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Ikan dan kerang-kerangan</i></li></ul>
<i>Buah-buahan</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Semua jenis buah sama ada keras atau lembut</i></li></ul>
<i>Kekacang</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Semua jenis kekacang</i></li></ul>
<i>Herba</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Beberapa jenis bunga, daun serta akar boleh digunakan</i></li></ul>
<i>Rempah-ratus</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Bunga cengkih, kayu manis, bunga lawang dan rempah sup</i></li></ul>
<i>Minyak</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Semua jenis minyak khususnya minyak bunga matahari dan minyak zaitun</i></li></ul>
<i>Cuka</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Semua jenis cuka khususnya cuka wain putih</i></li></ul>
<i>Pasta</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Biasa terdapat dalam saiz yang kecil, sebagai contoh spiral dan bowties</i></li></ul>
<i>Lain-lain</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Yogurt semulajadi, krim, krim masam, tauhu, pelbagai jenis keju, halia, pes bijan (tahini) dan kicap</i></li><li>• <i>Barangan di dalam botol atau tin seperti jagung manis, kekacang, kacang kuda dan kacang pis</i></li></ul>

## *Langkah perancangan menu hidangan berasaskan sayuran*


Merancang menu hidangan sayuran

Memilih resepi hidangan sayuran

Menyenaraikan alatan dan bahan bagi menyediakan hidangan sayuran

Membuat pengiraan kos hidangan sayuran

Menyedia, memasak, menghias dan menghidang hidangan sayuran mengikut resepi



## *Perkara-perkara yang boleh dilakukan semasa proses prapersediaan*

Mengeluarkan peralatan

Menyediakan peralatan (memanaskan ketuhar, memasang mesin pemprosesan makanan)

Menyediakan bahan

Menimbang dan menyukat bahan

Cuci, trim dan potong (daging, ayam, ikan, sayur)

Memerap

## Mise an Place hidangan berasaskan sayuran

Sayuran berdaun	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perlu dicuci bersih sebelum dipotong, buang kotoran tanah dan serangga</li><li>• Rendam dalam air garam</li><li>• Potong daun dan batang dengan saiz yang sama</li><li>• Asingkan daun dan batang kerana tempoh memasak berbeza</li></ul>
Sayuran berbatang atau pucuk	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perlu dicuci bersih sebelum dipotong, buang kotoran tanah dan serangga</li><li>• Ambil batang muda dan buang batang tua</li><li>• Potong mengikut potongan yang sesuai dengan jenis masakan</li></ul>
Sayuran berbauwang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kupas kulit, potong mengikut jenis dan kesesuaian masakan seperti cincang, mayang atau potong dadu</li></ul>
Sayuran berakar atau berubi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bersihkan dengan membuang semua kotoran</li><li>• Kupas kulit sebaik-baik mungkin</li><li>• Potongan hendaklah sama saiz supaya masak sekata</li></ul>
Sayuran berbuah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Basuh dengan bersih</li><li>• Potongan seragam</li></ul>
Sayuran berbiji	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kupas atau buang kulit luar</li></ul>
Sayuran berbunga	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bersih dan buang lapisan yang tidak diinginkan</li><li>• Potongan seragam</li></ul>
Sayuran kekacang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bersih dan potong bahagian yang keras</li><li>• Potong seragam</li></ul>

# MENGENAL BAHAGIAN LUAR IKAN

Mata

Sisik

Sirip dorsal

Garisan Lateral

Mulut

Sirip Kaudal


Penutup Insang

Sirip Pektoral

Sirip Pelvik

Dubur

Sirip Anal





# **IKAN**

## ***Ikan isi putih (lean fish)***

- ***Jenis ikan yang kurang lemak seperti ikan merah***
- ***Mudah untuk menjadi kering disebabkan lemak disimpan di dalam hati***

## ***Ikan berminyak (fat fish)***

- ***Jenis ikan yang mempunyai banyak lemak contohnya ikan salmon***
- ***Isi ikan tidak mudah kering disebabkan lemak yang terdapat pada ikan tersebut***

# ***KERANG-KERANGAN***



## ***Krustasia***

- ***Terdiri daripada haiwan laut yang mempunyai ruas berkulit dan kaki disambung kepada ruas-ruas tersebut***
- ***Contoh : udang dan ketam***

## ***Moluska***

- ***Terdiri daripada haiwan laut lembut yang hidup di dalam sepasang kulit keras yang boleh dibuka dan ditutup***
- ***Contohnya : kerang, siput, tiram, kupang, lokan, kepah, lala, remis dan belitung***

# ***Cara pemilihan dan penyimpanan ikan dan kerang-kerangan***

## ***Klasifikasi***

## ***Cara pemilihan***

## ***Cara penyimpanan***

### ***Ikan***

- Berbau segar atau hanyir tetapi tidak busuk*
- Dagingnya pejal apabila ditekan*
- Insangnya masih berwarna merah cerah*
- Matanya menonjol bersinar*
- Bagi ikan yang tiada sisik, mempunyai kulit lembap, licin dan berkilat*

- Bersihkan ikan sebelum disimpan di dalam peti sejuk beku*
- Ikan yang disimpan pada suhu yang lebih tinggi daripada suhu sejuk beku perlu digunakan segera iaitu tidak melebihi 24 jam*
- Ikan yang hendak disimpan perlu dibungkus dengan beg politena, bekas plastik kedap udara atau kertas timah*

### ***Kerang-kerangan***

- Berbau segar dan tidak busuk*
- Bentuknya elok dan tiada bahagian yang tertanggal*
- Kulit udang tidak berubah warna dan masih melekat*

- Penyimpanan bersih dan simpan di dalam peti sejuk beku dengan segera*
- Kerang-kerangan yang masih hidup perlu disimpan dalam bekas bertutup dengan kain lembap di dalam peti sejuk*

Merancang menu hidangan ikan dan kerang-kerangan

Memilih resepi hidangan ikan dan kerang-kerangan

Menyenaikan alatan dan bahan bagi menyediakan hidangan ikan dan kerang-kerangan

Menyedia, memasak, menghias dan menghidang hidangan ikan dan kerang-kerangan

Membuat pengiraan kos hidangan ikan dan kerang-kerangan

Langkah perancangan menu hidangan berasaskan ikan dan kerang-kerangan

# Mise an Place bagi hidangan ikan

## Jenis ikan dan kerang-kerangan

## Langkah – langkah penyediaan

### Ikan isi putih dan ikan berminyak

- Ikan dibasuh bersih sebelum dipotong
- Sapukan sedikit garam untuk menanggalkan darah beku ikan
- Sapukan ikan dengan asam jawa, garam atau kapur sirih
- Boleh disediakan dalam bentuk steaks, fillets, sticks, butterflyed fillet, dressed, whole dan drawn mengikut kesesuaian hidangan yang ingin disediakan

### Moluska

- Bersihkan cangkerang daripada sebarang kotoran seperti pasir menggunakan air yang bersih
- Tiram perlu dibersihkan menggunakan berus lembut
- Pastikan cangkerang tidak pecah serta bertutup rapat dan asingkan sekiranya ada yang telah busuk dan rosak

### Krustasia


- Basuh bahagian luar kulit keras dengan berhati-hati sehingga bersih
- Krustasia seperti udang boleh disediakan dalam bentuk sepenuhnya dengan mengopek seluruh bahagian kulit udang, separuhnya atau disediakan dalam bentuk asal
- Krustasia seperti ketam hendaklah dibersihkan dengan cara membuang bahagian usus dan perut dibalik bahagian kulit yang lembut
- Asingkan sekiranya terdapat krustasia yang telah busuk dan rosak




***Cara memotong ikan untuk mendapatkan potongan filet :***

- 1. Letakkan ikan pada landas cincang***
- 2. Buat torehan di atas tulang belakang (dari ekor menuju kepala)***
- 3. Buat torehan melintang untuk memisahkan kepala dengan filet***
- 4. Keluarkan filet bahagian kiri dengan cara menekan filet ke kiri dan menggerakkan pisau di atas tulang dari bahagian tulang belakang ke arah luar***

## Bahagian potongan lembu




## Bahagian potongan utama kambing










# ***NAMA BAHAGIAN POTONGAN DAGING***

<b><i>bil</i></b>	<b><i>Bahagian</i></b>	<b><i>Keterangan</i></b>	<b><i>Bil</i></b>	<b><i>Bahagian</i></b>	<b><i>Keterangan</i></b>
<b><i>1</i></b>	<b><i>Bahu (chuck)</i></b>	<b><i>Bahagian bahu lembu atau kambing</i></b>	<b><i>9</i></b>	<b><i>Batang pinang</i></b>	<b><i>Bahagian bawah rusuk lembu atau kambing</i></b>
<b><i>2</i></b>	<b><i>Rusuk (Rib)</i></b>	<b><i>Bahagian rusuk lembu atau kambing</i></b>	<b><i>10</i></b>	<b><i>Beef round (bottom)</i></b>	<b><i>Bahagian bawah belakang lembu atau kambing</i></b>
<b><i>3</i></b>	<b><i>Rib steak</i></b>	<b><i>Kaedah pemotongan bahagian rusuk</i></b>	<b><i>11</i></b>	<b><i>Beef round (top)</i></b>	<b><i>Bahagian atas belakang lembu atau kambing</i></b>
<b><i>4</i></b>	<b><i>Loin pendek (short loin)</i></b>	<b><i>Bahagian atas belakang lembu atau kambing</i></b>	<b><i>12</i></b>	<b><i>Beef flank steak</i></b>	<b><i>Hasil pemotongan daripada bahagian round</i></b>
<b><i>5</i></b>	<b><i>Beef loin</i></b>	<b><i>Bahagian keseluruhan atas belakang lembu atau kambing</i></b>	<b><i>13</i></b>	<b><i>Whole leg (shank)</i></b>	<b><i>Kedudukan bahagian ini terletak di kaki lembu atau kambing</i></b>
<b><i>6</i></b>	<b><i>Beef T-bone steak</i></b>	<b><i>Hasil pemotongan daripada bahagian loin</i></b>	<b><i>14</i></b>	<b><i>Ekor</i></b>	<b><i>Bahagian belakang lembu atau kambing</i></b>
<b><i>7</i></b>	<b><i>Tenderloin (trimmed)</i></b>	<b><i>Hasil pemotongan daripada bahagian loin</i></b>			<b><i>Organ dalaman terdiri daripada hati, perut, paru, limpa, otak dan usus</i></b>
<b><i>8</i></b>	<b><i>Beef strip loin</i></b>	<b><i>Bahagian atas belakang lembu atau kambing yang telah melalui proses trimming</i></b>	<b><i>15</i></b>	<b><i>Buah pinggang, hati otak, offal, perut</i></b>	

# ***Bahagian-bahagian ayam***



# NAMA BAHAGIAN POTONGAN AYAM

<i>bil</i>	<i>Bahagian</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Bil</i>	<i>Bahagian</i>	<i>Keterangan</i>
1	 Whole chicken	Ayam dengan semua bahagian termasuk semua bahagian di dalam perut. Terdiri daripada daging putih dan gelap	6	Tenderloin	Potongan otot daripada dada yang terdapat di kedua-dua sisi tulang dada. Terletak di bahagian atas bahagian dada. Terdiri daripada daging putih sahaja
2	 Poultry half	Ayam dibahagi setengah secara memanjang dari bahagian dada ke belakang dan kedua-dua potongan mempunyai bahagian yang sama	7	Kepak (wing)	Kepak ayam terdiri daripada tiga bahagian, hujung kepak, wingette (hujung sayap datar), dan drumette
3	 Dada (breast)	Keseluruhan bahagian dada ayam. Terdiri daripada daging putih sahaja	8	Atas paha (thigh)	Bahagian atas kaki di atas sendi lutut yang disambungkan ke tubuh ayam. Terdiri daripada semua daging gelap
4	 Breast quarter	Secara umumnya meliputi satu suku daripada seekor ayam. Potongan	9	 Whole leg	Bahagian kaki ayam yang terdiri daripada dua bahagian iaitu thigh dan drumstick. Terdiri daripada daging gelap sahaja
5	Breast Halves	Bahagian dada ayam yang telah dipotong secara memanjang, yang menghasilkan dua bahagian. Terdapat bahagian yang ada tulang, tanpa tulang, ada kulit dan tanpa kulit. Bahagian dada yang lebih besar kadangkala dipotong setengah untuk memberikan saiz hidangan yang lebih kecil	10	 Paha (drumstick)	Bahagian bawah kaki di bawah sendi lutut. Terdiri daripada semua daging gelap
			11	 Leher, jantung, hempedal, giblets	Terdiri daripada leher, hati, jantung dan hempedal

## *Pemilihan daging yang berkualiti*

**Daging segar**

*Warna : merah pekat, tidak pucat dan tidak kotor*

*Tekstur : kenyal apabila ditekan*

*Bau atau aroma : segar iaitu bau khas daging lembu atau kambing*

*Bentuk urat : wajar dan tidak mengalami pembengkakan*

**Daging tidak segar**

*Warna: kebiru-biruan atau hijau*

*Tekstur: lembik apabila ditekan*

*Bau atau aroma: bau busuk atau masam yang sangat mencengkam*

*Bentuk urat : mengembang dan kembung*



# PROSEDUR PENYIMPANAN DAGING

## DAGING SEGAR

- *Daging hendaklah dilap dengan kain bersih dan dibungkus*
- *Daging mesti diporsikan untuk setiap masakan dan disimpan di bahagian sejuk beku*
- *Purata suhu ialah - 18 darjah celsius*
- *Elakkan daging mentah tersentuh dengan daging yang sudah dimasak kerana daging mentah mengandungi bakteria bercun yang boleh menyebabkan kercunan makanan melalui pencemaran silang*

## DAGING BEKU

- *Perlu disimpan di bahagian sejuk beku pada purata suhu – 18 darjah celsius*
- *Bungkusan daging perlu dibuka dan disimpan di dalam bekas, dilindungi dan dinyahfros dengan sempurna sebelum dimasak*

## OFFAL

- *Bahagian-bahagian offal perlu dibungkus atau dasingkan dalam bekas sebelum disejukbekukan*
- *Lebih offal yang telah dinyahfroskan, disarankan untuk tidak dibekukan semula bagi mengelakkan pencemaran bakteria yang boleh mengakibatkan keracunan makanan*

## DAGING MASAK

- *Sejukkan daging yang telah dimasak terlebih dahulu sebelum disimpan didalam peti sejuk*
- *Pastikan daging yang telah dimasak terasing daripada bahan-bahan mentah yang lain*

## *Lima langkah merancang menu hidangan berasaskan daging*

Merancang menu hidangan daging

Memilih resepi hidangan daging

Menyenaraikan alatan dan bahan bagi menyediakan hidangan daging

Membuat pengiraan kos hidangan daging

Menyedia, memasak, menghias dan menghidang hidangan daging



## MISE AN PLACE BAGI HIDANGAN DAGING

KATEGORI	LANGKAH PENYEDIAAN
<b>DAGING MERAH</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Kenal pasti bahagian potongan daging merah</i></li><li>• <i>Basuh daging sebelum dipotong dan gunakan secepat mungkin kerana daging merah mudah tercemar dengan bakteria</i></li><li>• <i>Sebelum memotong daging, buang lemak yang berlebihan</i></li><li>• <i>Potong daging mengikut ira melintang supaya gentian pendek dan daging menjadi lebih lembut apabila dimasak</i></li><li>• <i>Bagi tujuan perapan, daging boleh disalut dengan bahan perasa lebih awal supaya daging merah dapat menyerap rasa dengan lebih baik</i></li><li>• <i>Daging juga boleh dimasak terlebih dahulu sekiranya perlu seperti direbus dengan air di dalam periuk tekanan sebelum dipotong</i></li></ul>
<b>DAGING PUTIH</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Kenal pasti bahagian potongan daging putih</i></li><li>• <i>Basuh dan bersihkan daripada sebarang kekotoran</i></li><li>• <i>Elak dibiarkan terlalu lama kerana daging putih mudah tercemar dengan bakteria</i></li><li>• <i>Buang bahagin lemak yang berlebihan</i></li><li>• <i>Potong daging putih mengikut keperluan jenis hidangan</i></li></ul>
<b>OFFAL</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Kenal pasti bahagian offal</i></li><li>• <i>Basuh dan bersihkan sebelum dipotong</i></li><li>• <i>Potong mengikut keperluan dan jenis hidangan</i></li></ul>

Espagnole Sauce  
(Demi Glace)  
(Stok perang dan  
roux)


Veloute Sauce (stok  
putih dan roux)

Hollandaise Sauce  
(Mentega cair dan  
kuning telur)

Bechamel Sauce  
(susu, tepung dan  
mentega)

Sos Tomato (Buah  
tomato segar)

**SOS ASAS  
( FIVE MOTHER  
SOURCES)**



# Kriteria pemilihan sos

## **HIDANGAN PEMBUKA SERELA**

- *Sos manis lebih sesuai dihidangkan sekiranya bahan utama hidangan terdiri daripada sayur-sayuran*
- *Sos pedas pula lebih sesuai dihidangkan sekiranya bahan utama ialah daging, ikan dan kerang-kerangan*

## **HIDANGAN UTAMA**

- *Sos pedas sesuai dipadankan hidangan berasaskan daging lembu, ayam, ikan dan kerang-kerangan*
- *Sos manis juga boleh dihidangkan dengan daging seperti daging itik bersama sos kranberi atau daging kambing bersama sos daun pudina*

## **PENCUCI MULUT ATAU DESERT**

- *Sos manis merupakan pilihan utama dan kebiasaan dalam hidangan desert atau pencuci mulut*
- *Contoh pemilihan sos manis adalah seperti padanan puding karamel bersama sos karamel ataupun puding roti bersama sos vanilla*

## **SNEK**

- *Snek adalah anara hidangan yang boleh dianggap sebagai hidangan yang boleh dianggap sebagai hidangan ringan yang sangat sesuai dimakan bersama sos*
- *Pemilihan sos savouri sangat sesuai dengan snek yang bahan utamanya berasaskan ikan dan kerang-kerangan seperti keropok lekor*

# BAHAN DAN KAEDAH PENYEDIAAN SOS

## SAYUR-SAYURAN

*Terdiri daripada beberapa jenis iaitu sayuran berdaun, berbatang, berbunga, berubi dan berubah. Digunakan mentah atau dimasak. Contohnya seperti cendawan, tomato dan saderi*

## IKAN DAN KERANG-KERANGAN

*Terdiri daripada ikan dan kerang-kerangan seperti ikan kembung, udang, ketam dan sotong*

## TULANG

*Tulang yang selalu digunakan dalam penyediaan sos ialah tulang lembu dn tulang ayam*

## HERBA

*Antara jenis herba yang boleh digunakan adalah seperti daun limau purut, serai, halia serta kunyit*

## MINYAK

*Antara minyak yang digunakan untuk membuat sos adalah minyak kelapa, minyak kelapa sawit, minyak zaitun, minyak jagung, minyak bunga matahari dan minyak kacang*

## CUKA

*Terdapat pelbagai jenis cuka dalam pembuatan sos seperti cuka putih, cuka merah dan cuka epal*

# PROSEDUR PENYIMPANAN SOS

## **KESELAMATAN MAKANAN**

Sos yang akan disimpan di dalam peti sejuk atau peti sejuk beku perlu disimpan di dalam balang yang boleh ditutup rapat dan bebas daripada cecair. Balang yang basah menyebabkan pertumbuhan kulat dipermukaan sos tersebut

## **MASA PENYEDIAAN**

Sos yang telah disimpan dalam peti sejuk atau peti sejuk beku mesti dinyahfroskan terlebih dahulu sebelum dipanaskan semula.

Memasak semula sos Dalam keadaan beku tanpa dinyahfroskan boleh mengakibatkan tindak balas kimia dan mencemari sos tersebut

## **MASA UNTUK MENYIMPAN**

Sos yang akan digunakan dalam masa terdekat, boleh disimpan dalam bekas plastik yang tertutup. Manakala penyimpanan yang lebih lama seperti sejuk beku memerlukan bekas yang lebih tahan (durable). Selain itu, sos juga boleh disimpan dalam beg plastik makanan beku

## LIMA LANGKAH MERANCANG MENU HIDANGAN BERASASKAN SOS

Merancang menu hidangan  
sos



Memilih resepi hidangan sos




Menyenaraikan alatan dan  
bahan bagi menyediakan  
hidangan sos



Membuat pengiraan kos  
hidangan sos



Menyedia, memasak,  
menghias dan menghidang  
hidangan sos mengikut resepi



# JENIS – JENIS BIJIRIN UTAMA

## **BERAS**

*Beras merupakan makanan utama bagi orang asia. Beras boleh dijadikan nasi dan dimakan bersama-sama lauk seperti daging, ikan, kerang-kerangan dan sayur-sayuran. Beras boleh dikisar untuk dijadikan tepung beras. Tepung beras digunakan untuk membuat kuih-muih, mihun, laksa, kuetiau, laksam, bahan penyadur dan pemekat untuk sesuatu makanan. Antara jenis beras yang berada di pasaran ialah : beras biasa, beras basmati, beras pulut hitam, beras jepun atau sushi, beras pulut, beras bukit, beras perang dan beras wangi siam*

## **GANDUM**

*Bijian gandum berbentuk bujur dan kecil serta mengandungi selaput kuli luar yang berwarna perang. Gandum merupakan bahan makanan utama bagi masyarakat Eropah dan Amerika. Biji-bijian gandum dikisar untuk menjadi tepung. Apabila diadun bersama air, protein gandum (gluten) akan mengenyal dan memeri. Tepung gandum digunakan dalam menghasikan bahan makanan seperi pasta, mi, roti, kek, pastri dan biskut*

## **JAGUNG**

*Jagung tidak seperti bijirin lain yang mempunyai sekam yang meliputi setiap biji benih tetapi jagung mempunyai set sekam menutup keseluruhan benih. Jagung dikisar untuk dijadikan tepung atau dijadikan cornmeal*

## **BARLI**


*Rupa bentuk barli hampir sama dengan gandum, Cuma warnanya lebih cerah daripada gandum. Kebiasaanya barli dijadikan minuman atau dimasak menjadi bubur. Barli juga digunakan sebagai bahan fermentasi dalam menghasilkan minuman*

## **OAT**


*Oat ialah sejenis tumbuhan bijirin yang ditanam di kawasan yang sejuk. Oat digunakan bukan sahaja sebagai makanan kepada manusia tetapi turut digunakan sebagai makanan untuk ternakan secara meluas. Oat lebih sesuai sebagai makanan sarapan pagi. Kebiasaannya dijadikan bubur dan biskut*

# Ciri – ciri bijirin dan aspek pemilihannya

<i>bil</i>	<i>Jenis</i>	<i>Ciri-ciri</i>	<i>Cara pemilihan</i>	<i>Kegunaan</i>
1	Beras	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terbahagi kepada tiga jenis iaitu beras putih, beras pulut dan beras perang</li> <li>• Mengalami proses pembersihan sehingga putih jernih</li> <li>• Boleh didapati dalam pelbagai jenis gred</li> <li>• Berkanji</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kering</li> <li>• Tidak ada bubuk atau ulat beras</li> <li>• Bersih</li> <li>• Tidak hancur</li> </ul>	<p>Digunakan untuk menghasilkan hidangan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nasi</li> <li>• Bubur</li> <li>• Lemang</li> <li>• Ketupat</li> <li>• Pulut kuning</li> <li>• Tepung beras</li> </ul>
2	Gandum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu bran, germa dan endosperma</li> <li>• 82% endosperma menghasilkan tepung putih</li> <li>• Tepung gandum tulen dihasilkan daripada keseluruhan biji gandum</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kering</li> <li>• Tidak ada bubuk, kutu atau ulat</li> </ul>	<p>Digunakan mengikut jenis tepung seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tepung gluten tinggi</li> <li>• Tepung serbaguna</li> <li>• Tepung naik sendiri</li> </ul>
3	Jagung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terbahagi kepada tiga jenis iaitu butir jagung kering, butir jagung segar dan jagung tongkol segar</li> <li>• Berkanji</li> <li>• Terdapat dalam bentuk empingan jagung</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Segar</li> <li>• Tidak kecut dan berbubuk</li> <li>• Jagung segar</li> </ul>	<p>Digunakan untuk menghasilkan hidangan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertih jagung</li> <li>• Empingan jagung</li> <li>• Snek jagung</li> <li>• Bubur</li> </ul>
4	Barli	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berwarna putih dan bersih</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kering</li> <li>• Tidak berbubuk</li> </ul>	<p>Digunakan untuk menghasilkan hidangan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bubur</li> <li>• Minuman barli</li> </ul>
5	Oat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terbahagi kepada tiga jenis iaitu biji oat, empingan oat dan empingan oat segera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kering</li> <li>• Tidak berbubuk</li> </ul>	<p>Digunakan untuk menghasilkan hidangan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minuman berasaskan oat</li> <li>• Biskut</li> </ul>



JENIS-JENIS PASTA	CIRI - CIRI	CARA PEMILIHAN	JENIS MASAKAN
<p><b>PASTA PANJANG</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Spageti</li> <li>ii. Linguine</li> <li>iii. Fusili lunghi</li> <li>iv. Capelli d'angelo</li> </ul> <p><b>PASTA REBEN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tagliatelle</li> <li>ii. Pappardelle</li> <li>iii. Feuccine</li> <li>iv. Lasagna</li> </ul> <p><b>PASTA PENDEK</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Farfalle</li> <li>ii. Fusili</li> <li>iii. Conchiglie</li> <li>iv. Radiatore</li> </ul> <p><b>PASTA TIUB</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penne</li> <li>ii. Rigatoni</li> <li>iii. Makaroni</li> <li>iv. Gigantoni</li> </ul> <p><b>PASTA BERINTI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ravioli</li> <li>ii. Tortellini</li> <li>iii. Cannelloni</li> <li>iv. Tortelloni</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Biasanya direbus sebelum boleh dimakan</li> <li>• Dimakan bersama sos, digoreng atau dimasukkan ke dalam sup</li> <li>• Terdapat dalam pelbagai bentuk dan saiz</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pilih pasta yang masih utuh, tidak patah dan padat</li> <li>• Warna pasta yang baik iaitu kekuningan</li> <li>• Komposisi pasta yang berkualiti</li> <li>• Pilih pasta mengikut resepi: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pasta untuk sup</li> <li>▪ Pasta untuk dimasak dua kali</li> <li>▪ Pasta untuk panggang</li> <li>▪ Pasta berinti</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Spageti bolognese</li> <li>• Beef lasagna</li> <li>• Fettuccine carbonara</li> <li>• Pasta fagioli</li> <li>• Cheese ravioli</li> </ul>



MIHUN

YEE MEE

JENIS –  
JENIS MI

KUETIAU

UDON

LAKSA

MI KUNING

# CIRI – CIRI DAN CARA PEMILIHAN MI

JENIS – JENIS MI	CIRI – CIRI	CARA PEMILIHAN	JENIS MASAKAN
<p><b>KERING</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mihun</i></li> <li>• <i>Yee mee</i></li> <li>• <i>Suun</i></li> <li>• <i>Mi segera</i></li> <li>• <i>Soba kering</i></li> <li>• <i>Laksa kering</i></li> <li>• <i>Somen</i></li> </ul> <p><b>SEGAR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Kuetiau</i></li> <li>• <i>Laksa segar</i></li> <li>• <i>Mi kuning</i></li> <li>• <i>laksam</i></li> <li>• <i>Mi wantan</i></li> <li>• <i>Shirataki</i></li> <li>• <i>Ramen udon</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Terbahagi kepada tiga iaitu ‘Wheat Flour Noodles’, ‘Rice Noodles’ dan ‘Hand Pulled Noodles’</i></li> <li>• <i>Boleh dimakan panas, kukus, goreng, rebus atau dihidang bersama sup</i></li> <li>• <i>Mi kering (mudah dimasak dalam waktu yang singkat)</i></li> <li>• <i>Mi segar (tidak pecah atau hancur apabila dimasak)</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mempunyai rupa dan tekstur yang licin dan seragam</i></li> <li>• <i>Tiada tompok apabila dilihat di bawah cahaya</i></li> <li>• <i>Bagi mi jenis kering, berbunyi rapuh apabila dipatahkan</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Chinese Noodles in Peanut Sauce</i></li> <li>• <i>Shanghai Stir Fry Noodles</i></li> <li>• <i>Szechuan Noodles</i></li> <li>• <i>Soba Salad</i></li> <li>• <i>Mi Kari</i></li> <li>• <i>Laksa Penang</i></li> <li>• <i>Char Kue Tiau</i></li> <li>• <i>laksam</i></li> </ul>

# CARA PENYIMPANAN BIJIRIN DAN HASIL BIJIRIN

## BIJIRIN

- *Disimpan dalam bekas tertutup*
- *Disimpan pada suhu bilik*

## PASTA KERING

- *Disimpan dalam bekas tertutup*
- *Disimpan dalam suhu bilik*
- *Pastikan catat tarikh luput*

## PASTA

### PASTA SEGAR

- *Setelah dicanaii, perlu digaul dengan tepung sebelum direbus*
- *Boleh disimpan beku*

### MI / MIHUN / LAKSA KERING

- *Boleh disimpan di dalam bekas tertutup pada suhu bilik*

## MI / MIHUN / LAKSA / KUETIAU

### MI / MIHUN / LAKSA SEGAR

- *Boleh disimpan dalam bekas tertutup dan disimpan di dalam peti sejuk. Catat tarikh luput. Elakkan bersentuh dengan air*

Merancang menu hidangan berasaskan bijirin dan hasil bijirin



Memilih resepi hidangan bijirin dan hasil bijirin



Menyenaraikan alatan dan bahan bagi menyediakan hidangan bijirin dan hasil bijirin



Membuat pengiraan kos hidangan bijirin dan hasil bijirin



Menyedia, memasak, menghias dan menghidang hidangan bijirin dan hasil bijirin mengikut resipi

LIMA  
LANGKAH  
MERACANG  
MENU  
HIDANGAN  
BERASAKA  
N BIJIRIN  
DAN HASIL  
BIJIRIN



# MISE EN PLACE BAGI HIDANGAN BIJIRIN DAN HASIL BIJIRIN

## JENIS BIJIRIN/ HASIL BIJIRIN

## LANGKAH – LANGKAH PENYEDIAAN

### BERAS

- *Pilih beras yang betul mengikut keperluan resepi*
- *Timbang beras dengan tepat*
- *Basuh beras bersih daripada kekotoran*
- *Rendam beras dalam air sekiranya perlu mengikut kehendak resepi*
- *Tuskan selepas dibasuh. Asingkan dalam bekas sebelum digunakan untuk memasak*

### GANDUM

- *Pilih bijirin gandum atau hasil bijirin daripada gandum mengikut keperluan resepi*
- *Timbang dan sukut bahan dengan tepat*
- *Bahan seperti tepung gandum hendaklah diayak sebelum digunakan*

### OAT

- *Pilih oat mengikut resepi*
- *Timbang oa dengan tepat*
- *Oat juga boleh dikisar halus mengikut resepi dan disimpan dalam bekas berutup bgi mengekalkan kesegaran*

### BARLI

- *Pilih barli mengikut resepi*
- *Bersihkan berli daripada sebarang kekotoran dan tuskan*
- *Rebus barli hingga lembut sekiranya resipi memerlukan barli yang siap dimasak*
- *Letakkan dalam bekas yang sesuai selepas dibasuh atau dimasak*


### JAGUNG

- *Pilih jagung mengikut resepi*
- *Jagung kering hendaklah dibasuh bersih dan dituskan*
- *Jagung segar dibasuh bersih dripada kekotoran*
- *Empingan jagung boleh digunakan sepenuhnya atau kisar emping jagung mengikut keperluan resepi*
- *Letakkan daam bekas yang sesuai sehingga tiba masa untuk digunakan*

Menyeimbangkan rantai  
hidangan



Sajian  
terakhir  
dihidangkan  
selapas  
hidangan  
utama



FUNGI  
DESERT

Memberikan  
kepelbagaian  
warna dalam  
sajian



Mempelbagaikan perisa  
dan rasa makanan



# **SAJIAN TIMUR**

## **I. SAJIAN PANAS**

### ***DESERT BERGORENG***

*Desert jenis ini digoreng menggunakan kuantiti minyak yang banyak pada kuantiti yang sesuai. Contoh desert yang bergoreng ialah kuih keria, pisang goreng, cempedak goreng dan keledak goreng*

### ***DESERT KUKUS***

*Steamed desert dimasak dengan kaedah mengukus dengan menggunakan wap daripada air yang sedang mendidih seperti kuih seri muka, kuih lapis, nona manis, kuih sawi dan apam*

### ***BOILED DESERT***

*Dimasak dengan kaedah merebus dan menggunakan haba lembap iaitu dalam cecair yang bersuhu 100 darjahcelcius. Contohnya ialah kuih buah melaka, sagu gula melaka, puteri mandi dan sagu kelapa*

## ii. DESERT SEJUK



### ***BUAH – BUAHAN SEGAR TEMPATAN***

*Buah – buahan dibahagikan kepada dua bahagian dalam desert tempatan*

- *Buah – buahan segar yang siap dipotong dan dihidang bersama – sama, atau sebagai gubahan dan disajikan kepada tetamu*

### ***JELI***

*Diperbuat dengan melarutkan gelatin atau kristal jeli di dalam air. Rasa jeli boleh dipelbagaikan dengan menambah bahan perasa seperti yogurt, susu dan jus buah – buahan*

## SAJIAN BARAT

### **I. DESERT PANAS**

*Desert panas perlu dihidangkan segera sebaik sahaja disediakan kerana desert ini akan terjejas dari segi rasa dan rupa jika dibiarkan terlalu lama pada udara. Contohnya crepe, puff, pastry dan sebagainya*

### **II. DESERT SEJUK**

*Desert sejuk ialah desert yang dihidangkan sejuk. Sejuk boleh disediakan menggunakan bekas atau acuan yang besar atau kecil mengikut kesesuaian. Contohnya puding, jeli, agar – agar dan mousse. Desert sejuk terdiri daripada DESERT ASAS KRIM, DESERT ASAS KASTARD dan PUDING*

# PENYAJIAN ASAS DALAM PENYEDIAAN DESERT TIMUR DAN BARAT

## 1. **KELAPA**

- Digunakan dalam bentuk kelapa parut dan santan
- Santan ialah sumber cecair bagi penyediaan desert tempatan dan menyumbang rasa berlemak
- Kelapa parut pula digunakan sebagai :
  - Inti kuih seperti kuih ketayap
  - Saduran kuih seperti onde – onde

## 2. **Ubi – ubian**

- Ubi keledak boleh dibuat kuih keria dan cek mek molek, manakala ubi keladi boleh dijadikan kuih seri kaya keladi dan ubi kayu boleh dibuat bingka ubi dan lepat ubi

## 3. **BIJI SAGU**

- Diperoleh daripada empulur pokok rumbia atau tepung ubi kayu. Biji sagu tinggi kandungan kanjinya dan sesuai sebagai agen pemekat dalam makanan
- Tekstur sagu yang siap dimasak biasanya lembik dan melekit
- Banyak digunakan dalam penyediaan kuih tempatan seperti abuk – abuk

## 4. **GULA MELAKA**

- Dihasilkan daripada nira atau manisan di dalam mayang kelapa atau bunga kelapa
- Berwarna perang, berbau wangi dan rasanya tidak semanis gula tebu
- Digunakan sebagai inti kuih dan pewarna dalam masakan

## 5. **TEPUNG BERAS**

- Tepung beras dihasilkan daripada bijirin beras boleh dibahagikan kepada dua jenis :
  - Tepung beras kering digunakan sebagai bater penyadur makanan bergoreng. Tekstur makanan yang dihasilkan lebih garing berbanding bater penyadur tepung gandum
  - Tepung beras lembab digunakan untuk menghasilkan adunan kuih kukus yang lebih halus teksturnya. Contohnya, kuih lompong

## 6. **TEPUNG PULUT**

- Tepung pulut dihasilkan daripada bijirin beras pulut. Tepung pulut mengandungi kanji yang tinggi
- Tekstur liat apabila dicampurkan dengan cecair
- Lebih elastik daripada tepung biasa, tepung pulut digunakan dalam membuat adunan kuih tempatan seperti kuih koci

## 7. **TEPUNG GANDUM**

- Dihasilkan daripada bijirin gandum yang dikisar. Terdapat pelbagai jenis tepung gandum bergantung kepada kandungan glutennya, seperti yang berikut :
  - Tepung gandum serbaguna (all purpose flour) mengandungi sekitar 12% gluten
  - Tepung roti mengandungi gluten yang tinggi iaitu sekitar 13% hingga 14%
  - Tepung pastri mengandungi 9% hingga 10% gluten dan sesuai untuk pastri, doh pai, biskut dan muffin
  - Tepung kek mengandungi 7% hingga 9% gluten
  - Tepung naik sendiri (self raising flour) ditambahkan dengan bahan penaik (baking powder) dan garam

## 8. **SUSU**

- Boleh dijadikan bahan dalam sajian Timur dan Barat
- Bahan yang sering digunakan dalam masakan seperti puding dan agar-agar. Terdapat pelbagai produk susu seperti susu penuh krim

## 9. **KRIM KEJU**

- Sejenis bahan yang digunakan dalam dessert sajian barat
- Merupakan produk ternusu dengan kandungan lemak susu sebanyak 33%
- Kegunaan krim keju:
  - Sebagai bahan utama untuk kek keju
  - Menyumbang rasa berkrim dalam masakan
  - Sebagai sapuan (spread) untuk roti, bagel dan kraker
  - Sebagai cream frosting untuk menghias kek dan biskut
  - Sebagai soso pencinch (dipping sauce) untuk cip kentang atau salad

## 10. **KRIM SEGAR**

- Terdapat pelbagai jenis krim segar yang terdapat dalam pasaran seperti krim putar, double cream, single cream, light cream, clotted cream dan crème fraich. Setiap jenis krim ini dibezakan dengan kandungan lemak yang terkandung di dalamnya
- Fungsi krim dalam masakan dessert adalah sebagai bahan makanan yang menyumbang rasa lemak dan berkrim dalam hidangan dan sebagai bahan hiasan

## **11. GULA**

- Kebanyakan gula dihasilkan daripada tebu. Kegunaan gula ialah :
  - Memberi rasa manis dalam hidangan
  - Memberikan tekstur lembut dengan melemahkan struktur gluten dalam tepung gandum
  - Memberi warna keperang-perangan pada hidangan
  - Mengekalkan kelembapan hidangan desert

## **12. MENTEGA**

- Merupakan campuran krim susu yang mengandungi 30% hingga 45% lemak susu. Terdapat dua jenis mentega iaitu mentega tanpa garam (unsalted butter) dan mentega bergaram (salted butter)
- Kandungan mentega bergaram tidak melebihi 2% dan tambahn garam ini dapat membantu dalam memanjangkan jangka hayat produk
- Kualiti mentega dapat ditentukan melalui gred yang tertera pada pembungkusannya. Gred AA dan A dihasilkan daripada krim manis (sweet cream) manakala gred B dihasilkan daripada krim masam (sour cream) dan sedikit rasa berasid

## **13. TELUR**

- Telur digunakan sebagai :
  - Agen emulsi dalam makanan
  - Memerangkap udara dalam adunan kek dan meringue
  - Menambah khasiat (Protein) dan rasa dalam sesuatu hidangan
  - Sebagai bahan glis untuk hidangan seperti pastri dan biskut
  - Sebagai penyadur untuk makanan bergoreng

## **14. GELATIN**

- Bahan yang berasal daripada kolagen haiwan. Gelatin boleh diperoleh dalam bentuk kepingan, granul, dan serbuk
- Penggunaan gelatin dalam makanan bertujuan memberikan tekstur kenyal seperti gel (gelling agent)
- Gelatin segera (instant) boleh terus dimasukkan ke dalam makanan, manakal bentuk yang lain perlu direndam dalam air terlebih dahulu

## **15. BUAH – BUAHAN**

- Buah-buahan merupakan sumber desert yang menyegarkan dan mudah untuk dihidangkan pada bila-bila masa dan boleh menjadikan desert yang menarik dan berkhasiat
- Buah-buahan ialah sumber vitamin dan serat
- Buah-buahan juga berguna untuk membantu dalam pelawasan
- Salah satu cara terbaik untuk menambah jumlah buah-buahan dalam hidangan harian ialah dengan cara menghidangkannya sebagai iringan hidangan atau dijadikan jus
- Antara buah-buahan yang biasa dihidang adalah seperti pisang, nanas, mangga, nangka, tembikai, berik dan laici

## ***PERANCANGAN MENU DAN PEMILIHAN RESEPI***

*Desert yang sesuai dengan jenis perkhidmatan makanan*

*Keseimbangan sajian atau lengkap dengan hidangan lain*

*Bagi desert sejuk beku, sesuai dihidangkan pada waktu tengah hari dan musim panas*

# **Lima langkah merancang menu hidangan desert**

*Merancang menu hidangan desert*



*Memilih resepi hidangan desert*



*Menyenaraikan alatan dan bahan bagi menyediakan hidangan desert*



*Membuat pengiraan kos hidangan desert*



*Menyedia, memasak, menghias dan menghidang hidangan desert mengikut resepi*

## ***MISE AN PLACE BAGI PENYEDIAAN DESERT***

***1. Kenal pasti resepi dan bahan yang diperlukan***

***2. Sediakan bahan-bahan utama bagi penyediaan desert***

***3. Timbang dan sukat bahan dengan tepat***

***4. Sediakan inti lebih awal mengikut keperluan resepi***

***5. Bakar bahan-bahan seperti kacang mengikut keperluan resepi***

***6. Rendam bahan makanan sekiranya perlu***

***7. Susun bahan-bahan dalam bekas yang sesuai***

# **ROTI**

## **ROTI MANIS**

Roti manis ialah jenis roti yang mempunyai rasa manis yang menonjol serta mempunyai tekstur lembut dengan atau tanpa isian. Roti manis termasuk dalam kategori rich dough (adunan dengan kadar gula dan lemak yang tinggi dan melebihi 10%)

## **ROTI PUTIH**

Roti putih ialah jenis roti yang memiliki warna putih dengan kandungan gula dan lemak di bawah 10% dan bertekstur empuk

## **ROTI KONTINENTAL**

Roti kontinental atau country bread boleh diperbuat dengan atau tanpa gula dan lemak di dalamnya. Roti kontinental berasal dari negara-negara Eropah yang kebanyakannya diperbuat daripada empat bahan utama iaitu tepung, yis, garam dan air. Contohnya french bread. Roti ini juga dikenali dengan istilah crusty bread. Tekstur kulit roti biasanya keras dan garing

## **RYE BREAD**

Merupakan roti bertekstur keras yang diperbuat daripada tepung rai (rye flour) dengan proses fermentasi yang panjang, iaitu 12 hingga 24 jam dan biasanya ditambahkan dengan bahan yang berasa masam seperti cuka makanan dalam adunannya dan dikenali dengan istilah sour dough

## **WHOLE WHEAT ATAU GRAIN BREAD**

Whole wheat atau tepung gandum lengkap adalah roti yang diperbuat daripada biji gandum yang dikisar atau dari campuran biji-bijian lain seperti oat, barli dan biji bunga matahari

# **PROSEDUR PENYIMPANAN ROTI DAN MASAKAN BERYIS**

## **PEMBUNGKUS ROTI**

- *Roti dan masakan yis yang dibeli dalam pembungkus plastik tidak digalakan untuk dibuka sehingga ingin dinikmati. Ini kerana pembungkus plastik membantu untuk mengekalkan kesegaran, kelembutan dan kelembapan roti*
- *Sekiranya pembungkus roti atau masakan beryis telah dibuka, pastikan plastik pembungkus diikat atau ditutup rapi kembali seperti asal. Pastikan tiada kandungan udara berlebihan dalam plastik pembungkus semasa menyimpan semula roti atau masakan beryis*

## **BEKAS KEDAP UDARA**

- *Setelah dibuka bungkusan asal, digalakan supaya lebih roti atau masakan beryis disimpan di dalam bekas kedap udara supaya roti dan masakan beryis kekal segar*
- *Roti perlu disimpan berasingan daripada bahan makanan yang lain kerana roti dan masakan beryis dapat menyerap bau dan rasa daripada bahan makanan lain seperti bawang*

## **MEMBEKUKAN ROTI DAN MASAKAN BERYIS**

- *Roti dan masakan beryis juga boleh dibekukan dalam peti sejuk beku sekiranya ingin disimpan dalam waktu yang lama*
- *Sebelum dibekukan, masukkan roti dan masakan beryis ke dalam beg plastik atau bekas kedap udara*
- *Roti dan masakan beryis yang dibekukan boleh bertahan di antara tiga hingga empat bulan*
- *Walaupun bagaimanapun, terdapat perubahan kepada kuantiti roti dan masakan beryis sekiranya disimpan dalam jangka waktu yang terlalu lama. Roti dan masakan yis yang dibekukan dapat mengelakkan daripada berkulat pada permukaan roti dan masakan beryis*

# **BAHAN MEMBUAT ROTI DAN MASAKAN BERYIS**

## **TEPUNG GANDUM**

- 1 *Terdapat tiga jenis tepung gandum yang biasa digunakan dalam menghasilkan roti dan masakan beryis iaitu tepung berprotein tinggi, tepung berprotein sederhana dan tepung berprotein rendah. Kegunaan setiap jenis tepung bergantung kepada resepidan hasil yang diinginkan. Karbohidrat dalam tepung akan menyerap cecair dan membentuk gluten. Kekenyalan roti dan masakan beryis dapat dilihat melalui tekstur roti*

## **YIS**

- 2 *Yis yang biasa digunakan dalam penghasilan makanan terbahagi kepada dua jenis iaitu yis kering atau segar. Cara penggunaan yis juga berlainan mengikut jenis. Yis segera lebih popular digunakan dalam menghasilkan roti dan masakan beryis kerana ia mudah didapati dan mudah digunakan*

## **CECAIR**

- 3 *Dalam menghasilkan roti dan masakan beryis, cecair digunakan sebagai bahan penggabung untuk menghasilkan doh atau bater. Terdapat pelbagai jenis cecair yang biasa digunakan seperti air, susu dan telur. Susu dan telur dapat meningkatkan kandungan nutrien dalam roti dan masakan beryis*

## **PERASA MAKANAN**

- 4 *Garam dan gula biasanya digunakan sebagai penambah perasa dalam penghasilan roti dan masakan beryis. Gula berfungsi sebagai makanan kepada yis bagi memastikan yis dapat berkembang dengan baik manakala garam pula sebagai kawalan proses fermentasi berlebihan dalam doh dan bater*

## **LEMAK**

- 5 *Lemak berfungsi sebagai bahan yang dapat menambahkan kelembutan pada hasil roti dan masakan beryis. Lemak yang biasanya digunakan adalah mentega dan juga shortening atau lemak sayur-sayuran. Lemak juga mampu membantu untuk memerangkap udara bagi memastikan doh atau bater berkembang dengan baik*

*DOH RENDAH LEMAK DAN GULA  
(LEAN DOUGH)*

*DOH TERKANDUNG LEMAK DAN  
GULA YANG TINGGI (RICH DOUGH)*

***JENIS – JENIS DOH***

*DOH SATU LANGKAH  
(STRAIGHT DOUGH METHOD)*

*DOH KAEDAH SPAN  
(SPONGE DOUGH METHOD)*

# Lima langkah merancang menu hidangan roti dan masakan beryis

*MERANCANG MENU HIDANGAN ROTI DAN MASAKAN BERYIS*

*Memilih resepi hidangan roti dan masakan beryis*

*Menyenaraikan alatan dan bahan bagi menyediakan hidangan roti dan masakan beryis*

*Membuat pengiraan kos hidangan roti dan masakan beryis*

*Menyedia, memasak, menghias dan menghidang hidangan beroti dan masakan beryis mengikut resepi*

MISE AN PLACE BAGI PENYEDIAAN  
ROTI DAN MASAKAN BERYIS

- 1. Kenal pasti resepi dan bahan yang diperlukan*
- 2. Sediakan bahan-bahan utama bagi penyediaan roti dan masakan beryis*
- 3. Timbang dan sukat bahan dengan tepat*
- 4. Sediakan inti lebih awal mengikut resepi*
- 5. Sediakan yis yang telah difermensi mengikut keperluan resepi*
- 6. Rendam bahan makanan sekiranya perlu*
- 7. Susun bahan-bahan dalam bekas yang sesuai*
- 8. Sediakan mangkuk adunan bagi tujuan pengembangan*

***PASTRI RAPUH***

***PASTRI  
CHOUX***

***PASTRI  
LAPIS***

***JENIS – JENIS  
PASTRI***

***PASTRI PHYLLO***

***PASTRI DANISH***

## **BAHAN – BAHAN MEMBUAT PASTRI**

### **TEPUNG GANDUM**

- *Bahan utama dan sumber karbohidrat*
- *Berfungsi sebagai penyerap cecair dan menggabungkandoh pastri. Tepung gandum juga berfungsi meningkatkan volume doh pastri*
- *Membentuk jaringan gluten sehingga terbentuknya struktur akhir produk*
- *Tepung yang halus lembut (weak gluten) untuk pastri rapuh*
- *Tepung berprotein tinggi untuk pastri lapis*

### **CECAIR**

- *Cecair yang digunakan untuk pastri ialah susu, air dan jus lemon yang bertindak sebagai pelembap atau binding agent*
- *Membantu pembentukan gluten dan melarutkan tepung serta bahan-bahan kering lain*
- *Sumber tekanan wap air semasa proses pembakaran pastri*
- *Membantu mengaktifkan yis dalam penghasilan doh pastri danish*
- *Penggunaannya bergantung kepada jenis pastri, suhu, cuaca atau kuantiti bahan*

### **TELUR**

- *Berfungsi sebagai cecair yang menggabungkan adunan pastri*
- *Menambah kandungan nutrien kepada pastri, meningkatkan rasa dan keenakan pastri*
- *Seperti air, telur juga membantu dalam proses pembakaran dan menghasilkan wap untuk menaikkan pastri*

### **LEMAK**

- *Lemak yang digunakan dalam menghasilkan pastri ialah mentega, manjerin, pastri manjerin dan shortening*
- *Lemak membantu meningkatkan kandungan nutrien dalam pastri di samping menambahkan kelazatan pastri*
- *Apabila pastri dibakar, kelembapan dalam mentega bertukar menjadi wap. Karbon dioksida dilepaskan daripada penaik, lapisan doh meningkat dan mentega membantu untuk memerangkap udara bagi membuat pastri menjadi ringan dan rangup*
- *Pastri manjerin digunakan dalam penghasilan pastri lapis dan pastri danish*

### **GULA**

- *Memberi rasa*
- *Melembutkan gluten*
- *Perlu dilarutkan di dalam cecair terlebih dahulu*
- *Menggunakan gula halus atau gula kastor*
- *Penggunaan gula kasar menyebabkan permukaan pastri berkristal apabila telah masak*

# ***Lima langkah merancang menu hidangan pastri***

***Merancang menu hidangan pastri***



***Memilih resepi hidangan pastri***



***Menyenaraikan alatan dan bahan bagi menyediakan hidangan pastri***



***Membuat pengiraan kos hidangan pastri***



***Menyedia, memasak, menghias dan menghidang hidangan pastri  
mengikut resepi***

## ***MISE AN PLACE BAGI PENYEDIAAN PASTRI***

- 1. Kenal pasti resepi dan bahan yang diperlukan***
- 2. Sediakan bahan-bahan utama bagi penyediaan pastri***
- 3. Timbang dan sukat bahan dengan tepat***
- 4. Sediakan inti lebih awal mengikut resepi***
- 5. Bakar bahan-bahan seperti kacang mengikut keperluan resepi***
- 6. Rendam bahan makanan sekiranya perlu***
- 7. Susun bahan-bahan dalam bekas yang sesuai***

*TUJUAN*

*KESEIMBANGAN*

*KEPERLUAN*

*SUMBER*

*KEGEMARAN*

*TETAMU*

*FAKTOR FAKTOR  
PERANCANGAN  
MENU*